

# Dakwah berkesan menerusi media

Dalam arus globalisasi kini, media massa sangat penting sebagai medium penyebaran maklumat. Setiap maklumat dan peristiwa yang disampaikan media massa menjadi kayu ukur dalam mencapai kemajuan negara.

Media massa juga wahana paling berkesan dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat. Keberkesanan media massa dalam menyampaikan dakwah dapat dilihat melalui televisyen, radio, internet, surat khabar dan majalah.

Hal ini kerana masyarakat cenderung untuk mendapatkan maklumat dengan menggunakan media massa kerana kekangan masa untuk menghadiri majlis agama berikutan terlalu sibuk bekerja. Sebagai contoh, mereka hanya mendengar radio atau membaca akhbar ketika dalam perjalanan ke tempat kerja untuk menambah ilmu keagamaan.

## **Unsur pendidikan Islam**

Seterusnya, media elektronik seperti rancangan realiti dan kartun adalah antara rancangan paling berkesan dalam menyampaikan dakwah. Kebanyakan masa kanak-kanak dihabiskan dengan menonton televisyen.

Sebagai contoh kartun Upin dan Ipin terbitan tempatan mempunyai banyak unsur didikan dan pengajaran berlandaskan Islam dan dapat memberi banyak impak positif kepada mereka. Drama bersiri Tanah Kubur, Pencetus Ummah di saluran Oasis, Al-Kuliyah di TV3, dan program realiti kanak-kanak 'Adik-Adikku' terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di TV1, pula mengetengahkan program bercorak keagamaan.

Radio Institut Kefahaman Malaysia (IKIM) pula adalah wadah penyampaian dakwah yang baik dengan memberi kefahaman tepat melalui pelbagai program dan aktiviti seperti penyelidikan, seminar, bengkel, forum, perundingan, latihan dan penerbitan.

## **Sampai mesej dakwah**

Media cetak juga tidak ketinggalan berperanan dalam menyampaikan mesej dakwah melalui tulisan dan lisan yang diterjemahkan dalam bentuk buku, majalah dan risalah kepada masyarakat.

Begitu juga penggunaan media baru popular seperti Facebook, Blog, Twitter dan Youtube sangat berkesan dalam menyampaikan mesej dakwah dalam kalangan masyarakat khususnya golongan belia.

Melalui media baru ini, dakwah semakin mudah dan pantas untuk disampaikan kepada masyarakat, terutama melalui Facebook. Hal ini kerana hampir semua individu mempunyai laman Facebook sendiri.

Justeru, media massa adalah alat yang paling banyak mempengaruhi pandangan dan menambat hati masyarakat dalam menyampaikan dakwah. Dengan adanya media massa, dakwah dapat disampaikan dengan lebih berkesan, menarik dan mudah.

**Nurfatihah Mokhtar**

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)